



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - RABU, 27 OGOS 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>SEMUA PIHAK PERLU BERSATU TANGANI BULI - NANCY SHUKRI</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/semua-pihak-perlu-bersatu-tangani-buli-nancy-shukri-535910">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/semua-pihak-perlu-bersatu-tangani-buli-nancy-shukri-535910</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=tSz6J-vMM6g">https://www.youtube.com/watch?v=tSz6J-vMM6g</a>	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>PROGRAM INSPIRASI WANITA LUAR BIASA PLATFORM PERKASA, ANGKAT SUARA WANITA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://umno-online.my/2025/08/26/program-inspirasi-wanita-luar-biasa-platform-perkasa-angkat-suara-wanita/">https://umno-online.my/2025/08/26/program-inspirasi-wanita-luar-biasa-platform-perkasa-angkat-suara-wanita/</a>	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>SELANGOR PANTAU ISU TASKA ENGGAN TERIMA BAYI BAWAH SETAHUN - EXCO</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/745253/edisi/selangor-kl/selangor-pantau-isu-taska-enggan-terima-bayi-bawah-setahun---exco">https://www.sinarharian.com.my/article/745253/edisi/selangor-kl/selangor-pantau-isu-taska-enggan-terima-bayi-bawah-setahun---exco</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>SELANGOR CATAT TAHAP KESUBURAN RENDAH - EXCO</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/08/26/kahwin-lambat-punca-kadar-subur-di-selangor-menurun/">https://www.kosmo.com.my/2025/08/26/kahwin-lambat-punca-kadar-subur-di-selangor-menurun/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/745245/edisi/selangor-kl/selangor-catat-tahap-kesuburan-rendah---exco">https://www.sinarharian.com.my/article/745245/edisi/selangor-kl/selangor-catat-tahap-kesuburan-rendah---exco</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>SYOR WUJUD KEMENTERIAN KHUSUS WARGA EMAS TANGANI PENUAAN POPULASI</b>		NEUTRAL
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1438210/syor-wujud-kementerian-khusus-warga-emas-tangani-penuaan-populasi">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1438210/syor-wujud-kementerian-khusus-warga-emas-tangani-penuaan-populasi</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/745159/berita/nasional/negara-menua-mp-syor-wujud-kementerian-khusus-warga-emas">https://www.sinarharian.com.my/article/745159/berita/nasional/negara-menua-mp-syor-wujud-kementerian-khusus-warga-emas</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/malaysia-diunjur-jadi-negara-tua-menjelang-2048-dengan-14-warga-emas-IE14764084">https://thesun.my/cerita/berita/malaysia-diunjur-jadi-negara-tua-menjelang-2048-dengan-14-warga-emas-IE14764084</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/08/26/mp-pkr-cadang-wujud-kementerian-warga-emas/">https://malaysiagazette.com/2025/08/26/mp-pkr-cadang-wujud-kementerian-warga-emas/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1265796/mp-calls-senior-citizens-ministry-tackle-ageing-woes">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1265796/mp-calls-senior-citizens-ministry-tackle-ageing-woes</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/08/26/bayan-baru-mp-proposes-dedicated-senior-citizens-ministry-amid-concerns-over-ageing-population/188975">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/08/26/bayan-baru-mp-proposes-dedicated-senior-citizens-ministry-amid-concerns-over-ageing-population/188975</a>	MALAYMAIL.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>JANGAN DILUPAKAN ISU KESELAMATAN KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS</b>		POSITIF
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/jangan-dilupakan-isu-keselamatan-kanak-kanak-berkeperluan-khas">https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/jangan-dilupakan-isu-keselamatan-kanak-kanak-berkeperluan-khas</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>JAWATANKUASA DWIPARTISAN CADANG AKTA BARU BAGI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK</b>		POSITIF
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/753475">https://www.malaysiakini.com/news/753475</a>	MALAYSIAKINI.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	<b>DANONE JEMPUT PEMBUAT DASAR UNTUK SERTAI USAHA TANGANI ANEMIA DALAM KALANGAN KANAK-KANAK MALAYSIA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://siakapkei.my/2025/08/26/danone-jemput-pembuat-dasar-untuk-sertai-usaha-tangani-anemia-dalam-kalangan-kanak-kanak-malaysia">https://siakapkei.my/2025/08/26/danone-jemput-pembuat-dasar-untuk-sertai-usaha-tangani-anemia-dalam-kalangan-kanak-kanak-malaysia</a>	SIAKAPKEI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	<b>KAJIAN USM DEDAH ISTERI DI PERAK TANGGUNG LEBIH BANYAK BEBAN DIDIK ANAK</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/745179/edisi/utara/kajian-usm-dedah-isteri-di-perak-tanggung-lebih-banyak-beban-didik-anak">https://www.sinarharian.com.my/article/745179/edisi/utara/kajian-usm-dedah-isteri-di-perak-tanggung-lebih-banyak-beban-didik-anak</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	<b>KANAK-KANAK TERSELAMAT SELEPAS JATUH DARI TINGKAT 7</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/08/26/kanak-kanak-terselamat-selepas-jatuh-dari-tingkat-7/">https://www.kosmo.com.my/2025/08/26/kanak-kanak-terselamat-selepas-jatuh-dari-tingkat-7/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-cedera-jatuh-dari-tingkat-tujuh-pangsapuri/">https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-cedera-jatuh-dari-tingkat-tujuh-pangsapuri/</a>	BULETINTV3.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	<b>MEKANIK ROGOL ANAK TIRI DIJEL 20 TAHUN, 10 SEBATAN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/mekanik-rogol-anak-tiri-dijel-20-tahun-10-sebatan/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/mekanik-rogol-anak-tiri-dijel-20-tahun-10-sebatan/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1438261/mekanik-rogol-anak-tiri-dijel-20-tahun-10-sebatan">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1438261/mekanik-rogol-anak-tiri-dijel-20-tahun-10-sebatan</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/08/26/mekanik-rogol-anak-tiri-dipenjara-20-tahun-10-sebatan">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/08/26/mekanik-rogol-anak-tiri-dipenjara-20-tahun-10-sebatan</a>	FREEMALAYSITODAY.COM	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/08/1265833/mechanic-gets-20-years-jail-rotan-raping-step-daughter">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/08/1265833/mechanic-gets-20-years-jail-rotan-raping-step-daughter</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.thevibes.com/articles/news/112037/mechanic-jailed-20-years-for-raping-stepdaughter">https://www.thevibes.com/articles/news/112037/mechanic-jailed-20-years-for-raping-stepdaughter</a>	THEVIBES.COM	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/08/26/mechanic-gets-20-years-jail-whipping-for-raping-stepdaughter">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/08/26/mechanic-gets-20-years-jail-whipping-for-raping-stepdaughter</a>	FREEMALAYSITODAY.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Semua pihak perlu bersatu tangani buli - Nancy Shukri

astro  
AWANI Malekah Aisyah  
26/08/2025 20:36 MYT



Datuk Seri Nancy Shukri ketika ditemu bual Astro AWANI berkenaan topik Anti Buli. - Astro AWANI

**KUALA LUMPUR:** Gejala buli di Malaysia menjadi isu yang semakin membimbangkan ketika ini.

Selain memberi kesan fizikal dan psikologi kepada mangsa, ia juga secara tidak langsung menjejaskan keselamatan masyarakat.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri menegaskan, tanggungjawab membendung isu ini harus dipikul bersama, termasuk ibu bapa, guru dan komuniti setempat.

"Dari sudut kementerian kita ada program advokasi kanak-kanak, "Kasih Kanak-Kanak", kita pergi ke sekolah dan di situ kita biasanya bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), agensi-agensi yang lain dan kementerian-kementerian yang lain.

"Ini untuk memberi peluang untuk mereka menerangkan apakah tanggungjawab mereka dan bagaimana ia memberi kesan kepada kanak-kanak dengan izin supaya murid-murid di sekolah ini dapat memahami isu buli.

"Namun dari segi protokolnya kita melihat tanggung jawab itu terutama sekali di barisan hadapan ialah ibu bapa, para guru, jiran," katanya ketika melakukan lawatan di Astro, Bukit Jalil pada Selasa.

Beliau hadir ke Astro bagi melakukan penggambaran promo digital untuk bagi drama bersiri Astro, Mandul Bukan Pilihan yang turut ditayangkan melalui platform sooka selain sesi temubual khas bersama Astro AWANI, MIX FM dan Lite FM berhubung topik Anti Buli.



(Dari kiri) Datuk Seri Nancy Shukri bersama Pengarah Astro Radio, Priya Prabakaran selepas sesi temubual bersama Mix FM. - Foto Astro


Mengulas lanjut, Nancy berkata, ibu bapa juga harus prihatin serta mendengar aduan anak-anak dan segera membuat laporan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menerusi talian bantuan 15999 sekiranya berlaku insiden buli atau penderaan di sekolah mahupun rumah.

"Bila kita melihat isu buli ini semakin berleluasa, kita sepatutnya risau dan lebih peka.

"Kita harus *execute the law* (melaksanakan undang-undang) agar ia menjadi bentuk pengajaran bagi pelajar-pelajar.

"Undang-undang memperuntukkan kesalahan buli itu sememangnya sudah ada, jadi tahap kesedaran dalam kalangan orang ramai harus dipertingkatkan lagi, sebab ramai remaja yang fikir mereka boleh *escape* (terlepas) daripada hukuman.

"Bila kita lihat kes buli semakin membimbangkan, kita harus pikul tanggungjawab ini bersama," tambahnya.



(Dari kiri) Datuk Seri Nancy Shukri bersama penyampai MIX FM, Hani Fadzil. - Foto Astro

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Program Inspirasi Wanita Luar Biasa Platform Perkasa, Angkat Suara Wanita

26 August 2025

Berita Lain Berita Utama

KUALA LUMPUR, 26 Ogos – Sempena Hari Wanita Kebangsaan 2025, Wanita UMNO Malaysia dengan kerjasama Kelab JELITA telah menganjurkan Program Inspirasi Wanita Luar Biasa (IWLB) bertemakan 'Wanita dan Kerjaya' di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, di sini baru-baru ini.

Ibu Pejabat Wanita UMNO Malaysia dalam satu kenyataan kepada UMNO Online berkata, program ini menghimpunkan hampir 1,000 peserta wanita daripada pelbagai lapisan masyarakat.



"Wanita adalah tonggak keluarga, masyarakat dan negara. Program IWLB diharap menjadi platform memperkukuh solidariti, memperkasakan wanita serta mengangkat suara mereka dalam isu-isu penting demi masa depan yang lebih harmoni," kata kenyataan itu.

Tambah Ibu Pejabat Wanita UMNO Malaysia, majlis tersebut turut menyaksikan pelancaran Kempen Anti Buli, sebagai simbol komitmen Wanita UMNO Malaysia dalam menangani isu sosial yang kian membimbangkan.

"Kempen ini memberi mesej jelas tentang bahaya buli serta menggerakkan suara wanita sebagai agen perubahan bagi membentuk masyarakat yang lebih selamat dan inklusif," kata kenyataan itu.

Hadir sama Ketua Wanita UMNO Malaysia Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dan barisan kepimpinannya.

Selanjutnya menurut kenyataan itu lagi, selain kempen anti buli, pelbagai aktiviti menarik turut diadakan termasuk Bual Bicara 'Dari Wanita untuk Wanita', zumba bertema Wanita dan Kerjaya, Sarapan Rahmah percuma untuk 1,000 peserta pertama, cabutan bertuah serta reruai jualan usahawan wanita. – *UMNO ONLINE*

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Selangor pantau isu taska enggan terima bayi bawah setahun – Exco



MOHD IZZATUL IZZUAN TAHIR

Follow

26 Ogos 2025 07:54pm



Laporan muka depan Sinar Harian pada Ahad. Foto kecil: Anfaal

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor memandang serius isu taman asuhan kanak-kanak (taska) yang enggan menerima bayi bawah setahun sehingga menimbulkan kebimbangan ibu bapa.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Anfaal Saari berkata, situasi itu dianggap aduan serius kerana mendorong sebahagian ibu bapa menghantar anak kepada pengasuh tidak berdaftar di rumah.

"Kita bimbang akhirnya ibu bapa terpaksa berpindah kepada pengasuh di rumah yang tidak berdaftar, sekali gus menyebabkan isu keselamatan dan pemantauan timbul," katanya kepada Sinar Harian.

Beliau menjelaskan, pihaknya juga sebelum ini mengadakan sesi libat urus bersama pengusaha taska dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor.

Menurut Anfaal, sebanyak 1,300 taska beroperasi secara berdaftar di negeri ini manakala sebahagian lagi masih belum mendaftarkan.

Katanya, kerajaan negeri juga menyediakan memperuntukkan geran pusat penjagaan sebanyak RM400,000 bagi membantu operator taska mendaftarkan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan.

"Usaha ini lebih kepada outreach, bukan menghukum. Kita juga ambil kira faktor kenaikan gaji minimum kepada RM1,700 bermula 1 Ogos selain aspek keselamatan," ujar beliau.

Beliau turut mengakui caj bulanan antara RM500 hingga RM700 yang dikenakan pengusaha taska ketika ini tidak mencukupi untuk menampung kos operasi menyebabkan ramai pengusaha tertekan.

Menurutnya, kerajaan negeri turut mencadangkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) supaya mempertimbangkan pemberian subsidi kepada operator berdasarkan bilangan anak dihantar bergantung kepada pendapatan ibu bapa.

"Setakat ini belum ada subsidi, namun kita boleh usulkan kerana melihat pengusahaan taska ini penting untuk menyokong ekonomi dan memberi ketenangan kepada ibu bapa bekerja," katanya.

Sinar Harian pada Ahad lalu melaporkan, sektor asuhan awal kanak-kanak berdepan cabaran apabila 35 hingga 40 peratus pengusaha taska berdaftar di seluruh negara menghentikan perkhidmatan penjagaan bayi bawah usia setahun.

Senario itu semakin memburuk berikutan terdapat sebilangan pengusaha taska di negeri-negeri tertentu tidak menyediakan perkhidmatan mengasuh bayi bawah setahun.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Anfaal (duduk tengah) bersama peserta program itu di Shah Alam, hari ini.-Foto oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED/KOSMO!

## Kahwin lambat punca kadar subur di Selangor menurun

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED 26 Ogos 2025, 1:43 pm

SHAH ALAM – Trend kahwin lambat di kalangan generasi muda menyumbang kepada kadar kesuburan wanita di Selangor yang mencatatkan purata melahirkan 1.5 anak ketika ini.

Kadar tersebut lebih rendah daripada paras penggantian generasi nasional iaitu 2.1 anak.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat negeri, Anfaal Saari berkata, statistik menunjukkan penurunan kelahiran anak sebanyak 7.2 peratus pada 2022 berbanding tahun sebelumnya.

Jelas beliau, faktor penyusutan itu antaranya berpunca trend perkahwinan lewat dalam kalangan generasi muda terutama generasi Z.

“Ramai anak muda memilih untuk berkahwin lewat kerana mengambil kira kos sara hidup yang semakin tinggi. Akibatnya, tempoh usia produktif semakin pendek sebelum mereka mencapai usia matang antara 40 hingga 45 tahun,” katanya selepas melancarkan Seminar Kependudukan Negeri Selangor (SKNS) di sini, hari ini.

Menurut Anfaal, kerajaan negeri menyedari cabaran itu namun belum ada inisiatif khusus berkaitan kesuburan.

“Namun, sebuah pusat subfertiliti akan dibangunkan di Shah Alam dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Projek yang telah diluluskan dalam RMK-12 (Rancangan Malaysia ke-12) dan dijangka siap pada 2030 bakal memberi manfaat terutama kepada warga Selangor,” ujarnya.- KOSMO! ONLINE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : M'SIA TO BE AGEING NATION BY 2048

HARI : RABU

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 27 OGOS 2025

M/SURAT : 02

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

## M'sia to be ageing nation by 2048

➤ Fertility rates set to drop from 1.67 children per woman in 2025 to 1.60 in 2035, below replacement level of 2.1, says minister

BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI  
[newsdesk@thesundaily.com](mailto:newsdesk@thesundaily.com)

**PETALING JAYA:** Malaysia is expected to become an ageing nation by 2048, when 14% of its population will be aged 65 and above, Economy Minister Datuk Seri Amir Hamzah Azizan told the Dewan Rakyat yesterday.

He said the shift, driven by longer life expectancy and falling fertility rates, would see the number of children aged between zero and 14 shrink as the elderly population steadily rises.

Amir Hamzah said according to the Statistics Department, Malaysia's 34.2 million population in 2025 is projected to grow modestly to 36.4 million by 2030 and 38.3 million by 2035.

"However, fertility rates are set to drop from 1.67 children per woman in 2025 to 1.60 in 2035, well below the replacement level of 2.1, which the country has failed to meet since 2013.

"Adding to the concern, the crude marriage rate has also declined, falling from 6.6 marriages per 1,000 people in 2022 to 5.7 in 2023.

"The department highlighted that this trend shortens the reproductive window and is likely to further accelerate the decline in births."

Amir Hamzah said preparing for an ageing population is a complex task involving fiscal policy, labour markets, healthcare and long-term care services.

He said the National Ageing Blueprint 2025-2045 launched this year, which outlines

strategies across key areas, would be implemented through the 13th Malaysia Plan (13MP).

"While we have a Youth and Sports Ministry, we do not yet have a dedicated ministry for senior citizens to address ageing-related issues.

"However, several ministries play a role - the Finance Ministry manages economic and fiscal matters, the Implementation Coordination Unit oversees social protection, the Human Resources Ministry covers employment and skills, the Health Ministry handles healthcare while the Women, Family and Community Development Ministry manages long-term care."

He said under the 13MP all ministries must adopt a whole-of-nation approach, which includes expanding home-based care, encouraging part-time work for older individuals, strengthening financial and community support and improving retirement security through measures such as reviewing the EPF withdrawal scheme.

"We are moving away from the old demographic model which was based on three clear stages of life - childhood, youth and old age, or school, work and retirement.

"But today, as people live longer, these stages overlap and intertwine, creating a 'multi-stage life'. For example, retirees are now often encouraged to rejoin the workforce in various capacities. Retirement is no longer a fixed stage."

Amir Hamzah said the government, through 13MP, aims to strengthen long-term care, enabling caregivers to provide home visits, activities and companionship for the elderly to remain in their own homes, while also guiding younger generations.

He urged civil society to play a greater role in supporting the ageing process.

"The framework for an ageing society is already laid out in the 13MP. What is left is to bring it to life.

"If we succeed, we will be in a much better position to face the challenges of an aged society."

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SET UP MINISTRY FOR SENIORS, SYAS SIM

HARI : RABU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 27 OGOS 2025

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

## Set up ministry for seniors, says Sim

**THE** government should consider setting up a dedicated Senior Citizens Ministry to address the growing challenges of Malaysia's rapidly ageing population, Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) told the Dewan Rakyat yesterday. "I propose that the government establish such a ministry," he said. Acting Economy Minister Datuk Seri Amir Hamzah Azizan said the government had launched the National Ageing Blueprint (2025-2045), outlining policies for the economy, employment, social protection, healthcare and long-term care.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Syor wujud kementerian khusus warga emas tangani penuaan populasi



Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Ogos 26, 2025 @ 12:20pm



Foto hiasan. - Bernama

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen mencadangkan sebuah kementerian khusus untuk warga emas dalam menangani fenomena penuaan populasi negara.

Sim Tze Tzin (PH-Bayan Lepas) berkata, pelbagai faktor yang mendorong Malaysia mencapai negara menua termasuk disebabkan aspek perkahwinan dan kelahiran.

"Nampaknya kita belum siap siaga untuk menangani masalah populasi penuaan. Malaysia mempunyai Kementerian Belia (dan Sukan), tapi kita belum ada kementerian warga emas yang khusus menangani masalah penuaan.

"Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk menubuhkan kementerian warga emas untuk menangani masalah ini," katanya ketika bertanyakan soalan tambahan kepada Menteri Ekonomi pada sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Menteri Kewangan II yang menjalankan tugas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan kemudian menjawab, biarpun tiada kementerian spesifik yang menguruskan warga emas, kebajikan mereka sentiasa terbela menerusi agensi dan kementerian sedia ada.

"Memang benar dalam kerajaan kita tidak ada kementerian warga emas, tapi dalam kerajaan kita ada banyak kementerian seperti Kementerian Kewangan (MOF) yang mengawal selia aspek ekonomi dan fiskal, Unit Pelarasan dan Pelaksanaan (ICU), bagi perlindungan sosial.

"Kementerian Sumber Manusia, aspek pekerjaan, kemahiran dan pendidikan, Kementerian Kesihatan (KKM) bagi aspek kesihatan. Kementerian Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat, bagi aspek penjagaan jangka panjang. Yang penting, kesemua kementerian yang ada harus bekerjasama," katanya.

Terdahulu, menjawab soalan asal Tze Tzin meminta menyatakan unjuran trend populasi, kelahiran, kematian dan perkahwinan 10 tahun akan datang, Amir Hamzah berkata, usaha menghadapi negara menua adalah kompleks, mengambil kira pelbagai cabaran termasuk fiskal, pasaran buruh serta perkhidmatan kesihatan dan penjagaan.

"Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan 2025-2045 (NAB) sudah pun sudah dibangunkan tahun ini. NAB merangkumi perancangan dasar, rangka kerja dan pelan tindakan dalam bidang ekonomi, pekerjaan, pendidikan dan sosial serta penjagaan kesihatan jangka panjang yang menyeluruh.

"Fokus NAB sudah diterjemah menerusi inisiatif khusus di bawah Rancangan Malaysia ke-13 (RMK-13) untuk mempersiapkan Malaysia menuju negara menua," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Jangan dilupakan isu keselamatan kanak-kanak berkeperluan khas

Kolum - Dicipta: 26 Ogos 2025 04:44 PM



Foto hiasan/RTM

### SAUDARA PENGARANG

Isu keselamatan kanak-kanak berkeperluan khas pernah menjadi sorotan masyarakat Malaysia apabila negara dikejutkan dengan tragedi menyayat hati pada Disember 2023, melibatkan Zayn Rayyan Abdul Matiln, seorang kanak-kanak autisme yang dilaporkan hilang sebelum ditemui meninggal dunia di kawasan Apartmen Idaman, Damansara Damai.

Kes ini bukan sahaja menimbulkan trauma mendalam kepada keluarga mangsa, tetapi juga membuka mata seluruh negara tentang betapa rentan dan terdedahnya kanak-kanak berkeperluan khas terhadap ancaman keselamatan. Malangnya, selepas beberapa bulan, isu ini seolah-olah tenggelam daripada perhatian masyarakat luas, meskipun realitinya ancaman keselamatan masih wujud dan memerlukan perhatian yang konsisten.

Dalam tempoh beberapa minggu ini, Malaysia turut dikejutkan dengan satu kes buli yang melibatkan Zara Qairina, yang kisahnya menjadi tular di media sosial dan mendapat perhatian daripada Kerajaan. Walaupun kes Zara bukan melibatkan kanak-kanak berkeperluan khas, isu buli ini memperlihatkan betapa rapuhnya perlindungan terhadap golongan kanak-kanak dan remaja di negara ini.

Jika kanak-kanak tipikal sekali pun sering terdedah kepada bahaya, maka bayangkanlah tahap kerentanan yang dihadapi oleh mereka yang mempunyai autisme, ADHD, sindrom Down, atau cerebral palsy. Mereka berhadapan bukan sahaja dengan kesukaran untuk membela diri, malah sering tidak berupaya melaporkan pengalaman mereka dengan tepat, menyebabkan ancaman keselamatan lebih mudah berlaku tanpa disedari.

Kanak-kanak berkeperluan khas memerlukan perhatian keselamatan yang lebih komprehensif kerana sifat kerentanan mereka yang unik. Sebagai contoh, kanak-kanak dengan autisme cenderung mempunyai kesukaran dari segi komunikasi dan interaksi sosial, yang menjadikan mereka sukar meminta bantuan atau melaporkan bahaya. Kanak-kanak dengan ADHD pula sering dilabel sebagai hiperaktif dan mudah terdedah kepada kemalangan kerana kekurangan fokus.

Manakala mereka yang menghidap sindrom Down atau cerebral palsy pula mungkin mengalami kekangan fizikal yang menghadkan kemampuan mereka untuk melarikan diri daripada situasi bahaya. Justeru, keselamatan bagi golongan ini bukan hanya soal fizikal, tetapi juga psikososial, melibatkan bagaimana mereka dilindungi daripada ancaman keganasan, eksploitasi, dan buli.

Dalam konteks Malaysia, tragedi Zayn Rayyan menjadi titik penting yang mendorong pelbagai pihak, termasuk kerajaan, untuk menilail semula langkah-langkah perlindungan terhadap kanak-kanak berkeperluan khas. Beberapa langkah dasar seperti pengukuhan peranan agensi kebajikan, pihak polis, serta Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan sistem sokongan telah disebutkan.

Namun, cabaran sebenar terletak pada kesinambungan dan keberkesanan pelaksanaan. Sering kali, isu-isu besar seperti ini mendapat liputan meluas seketika, namun tidak lama kemudian tenggelam dalam arus berita lain, seolah-olah ia tidak lagi mendesak. Keadaan ini amat membimbangkan kerana nyawa dan keselamatan kanak-kanak berkeperluan khas bukanlah isu bermusim yang boleh dilupakan begitu sahaja.

Peranan kerajaan amat penting dalam memastikan isu keselamatan ini tidak hanya dipandang dari sudut undang-undang semata-mata, tetapi juga sebagai agenda nasional yang melibatkan kesedaran, pendidikan, dan penyertaan seluruh masyarakat. Misalnya, dasar perlindungan kanak-kanak perlu diperkukuhkan dengan memasukkan komponen khusus bagi kanak-kanak berkeperluan khas.

Di sekolah, guru dan warga pendidik perlu dilatih untuk mengenali tanda-tanda penderaan atau buli yang mungkin dialami murid berkeperluan khas. Program latihan yang inklusif harus diwujudkan agar semua tenaga pengajar dapat memainkan peranan sebagai barisan pertama perlindungan.

Selain itu, masyarakat turut memikul tanggungjawab besar dalam melindungi golongan ini. Sikap prihatin perlu dipupuk, terutamanya dalam komuniti kejiranan. Tragedi Zayn Rayyan menunjukkan bahawa masyarakat seharusnya lebih peka terhadap persekitaran mereka dan berperanan sebagai mata dan telinga tambahan dalam melindungi kanak-kanak.

Begitu juga dalam konteks buli, masyarakat tidak boleh lagi memandang ringan fenomena ini dengan menganggapnya sebagai "perkara biasa" dalam proses membesar. Sebaliknya, budaya membanteras buli perlu digerakkan bersama, dengan mengambil kira kerentanan yang lebih tinggi pada kanak-kanak berkeperluan khas.

Lebih jauh daripada itu, sistem sokongan psikososial juga perlu diperkukuhkan. Keluarga yang mempunyai anak berkeperluan khas memerlukan rangkaian sokongan yang bukan sahaja membantu mereka dari sudut pendidikan dan kesihatan, tetapi juga dari aspek keselamatan.

Misalnya, menyediakan akses kepada latihan keselamatan khas untuk ibu bapa dan penjaga, penggunaan teknologi pengesanan (seperti gelang pintar atau GPS) untuk kanak-kanak yang cenderung mengembara tanpa pengawasan, serta kempen kesedaran masyarakat tentang kepentingan melindungi golongan rentan ini.

Kes Zayn Rayyan dan isu buli yang membabitkan kanak-kanak di Malaysia seharusnya menjadi pemangkin untuk melahirkan kesedaran kolektif bahawa isu keselamatan kanak-kanak berkeperluan khas bukan sekadar tragedi individu, tetapi isu kemanusiaan yang mencerminkan tahap kepedulian kita sebagai sebuah masyarakat. Golongan ini bukan sahaja berhak mendapat pendidikan dan layanan yang sama rata, tetapi juga hak paling asas iaitu perlindungan daripada bahaya.

Kesimpulannya, keselamatan kanak-kanak berkeperluan khas seperti autisme, ADHD, sindrom Down, dan cerebral palsy perlu menjadi keutamaan bersama yang melibatkan kerajaan, sekolah, keluarga, dan masyarakat secara menyeluruh.

Tragedi yang pernah berlaku tidak boleh dibiarkan berulang hanya kerana kita alpa atau gagal memberi perhatian berterusan. Setiap kanak-kanak, tanpa mengira keupayaan, mempunyai hak untuk hidup dengan selamat, terlindung, dan bermaruah. Tanggungjawab kita ialah memastikan hak tersebut sentiasa terpelihara, bukan sahaja ketika isu ini sedang hangat diperkatakan, tetapi sepanjang masa.

*Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.*



Dr. Yohan Kurniawan  
Pensyarah Kanan

Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling  
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

e-mel: [yohan@um.edu.my](mailto:yohan@um.edu.my)

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Jawatankuasa dwipartisan cadang akta baru bagi pendidikan awal kanak-kanak

Alyaa Alhadji  
Diterbitkan: Aug 28, 2025 4:56 PM · Dikemaskini: 4:56 PM

Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Masyarakat menggesa pembaharuan menyeluruh kepada sistem penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak Malaysia, termasuk undang-undang khusus dan satu agensi untuk mengawal selia sektor itu.

Pengerusinya, Yeo Bee Yin (PH-Puchong) berkata jawatankuasa itu membentangkan laporannya di Dewan Rakyat pada 19 Ogos, berikutan beberapa siri penglibatan dengan kementerian, jabatan, universiti, NGO, dan lawatan sambil belajar ke Singapura.

"Penemuan adalah jelas — ketiadaan dasar yang komprehensif, fungsi agensi yang bertindih, dan sumber yang tidak mencukupi telah menjejaskan penyampaian program pendidikan awal kanak-kanak bersepadu dan mampan di Malaysia," kata Yeo semasa sidang media di parlimen, bersama ahli jawatankuasa dwi-partisan.

Antara isu utama yang dibangkitkan dalam laporan itu ialah:

- Jurang dasar dan tadbir urus: Tiada dasar menyeluruh, pertindihan fungsi antara agensi, kekurangan undang-undang khusus, dan tiada peruntukan tetap.
- Halangan pelesenan dan penyeliaan: Peraturan yang membebankan dan tidak konsisten di bawah majlis tempatan, membawa kepada kadar pendaftaran yang rendah di kalangan pengendali penjagaan kanak-kanak dan risiko keselamatan yang lebih tinggi.
- Kekurangan tenaga kerja: Tiada laluan kerjaya yang jelas, latihan profesional yang terhad, insentif yang tidak kompetitif dan kekurangan guru yang berkelayakan.
- Tekanan kewangan: Kos operasi yang tinggi dan yuran yang rendah, ditambah pula dengan subsidi dan levi yang tidak konsisten.
- Jurang bandar-luar bandar: Akses, kualiti dan kemudahan yang tidak sama rata, berkenaan dengan kekurangan zat makanan dan kadar bantut.

Untuk menangani isu-isu ini, jawatankuasa itu mengesyorkan:

1. Akta baru untuk mengawal selia dan membangunkan penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (umur 0–6).
2. Satu pihak berkuasa yang serupa dengan Pihak Berkuasa Pembangunan Awal Kanak-Kanak Singapura (ECDA).
3. Majlis Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan untuk menyelaraskan agenda merentas kementerian.
4. Pendidikan prasekolah wajib selama sekurang-kurangnya dua tahun, memerlukan pindaan kepada undang-undang pendidikan.
5. Peruntukan tetap sebanyak 0.5 peratus daripada KDNK untuk sektor ini, termasuk subsidi, geran untuk pengendali bukan berdasarkan keuntungan, dan insentif untuk pusat berdaftar.
6. Memindahkan semua Tabika Perpaduan (JPNIN) kepada Kementerian Pendidikan untuk mengoptimalkan sumber.

Yeo memberitahu *Malaysiakini* bahawa syor khusus, termasuk agar kerajaan menawarkan subsidi gaji minimum untuk pengusaha tadika yang bergelut, hanya terpakai kepada institusi yang "layak".

"Mendaftar adalah salah satu syarat untuk layak," kata ahli parlimen Puchong itu.

Secara berasingan, ahli jawatankuasa PAS Dr Halimah Ali berkata syor itu tidak terpakai kepada rangkaian tadika Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) parti itu yang tidak berdaftar.

Ditanya sama ada Pasti boleh mendapat manfaat daripada reformasi yang dicadangkan itu, Halimah berkata, "Pasti tidak berdaftar dengan kementerian pendidikan, ia dikendalikan oleh parti kami oleh sukarelawan."

Halimah berkata mereka membantu kerajaan yang sepatutnya bertanggungjawab dalam pendidikan awal kanak-kanak atas dasar muhibah.

Pada masa ini, kemudahan prasekolah kerajaan disediakan oleh tiga kementerian berbeza - Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan Kementerian Perpaduan Negara.

Semasa perbincangan Rancangan Malaysia Ke-13, Ahli Parlimen Setiawangsa Nik Nazmi Nik Ahmad telah menggesa tindakan terhadap Pasti, yang gurunya diklasifikasikan sebagai "sukarelawan" dan dibayar kurang daripada separuh gaji minimum negara.

Dia berkata ramai rakyat Malaysia menghantar anak mereka ke tadika Pasti kerana yuran yang berpatutan, tetapi hampir 10,000 guru hanya menerima elaun RM600 dan dinafikan perlindungan sosial asas.

Dalam ucapan penggulungannya, Menteri Sumber Manusia Steven Sim menegaskan bahawa perintah gaji minimum RM1,700 juga terpakai kepada guru Pasti, dan jika pelanggaran perintah itu dikesan, majikan boleh dilaporkan kepada Jabatan Buruh untuk siasatan dimulakan.

Sementara itu, jawatankuasa dwi-partisan juga mencadangkan dua cadangan tambahan, agar garis panduan penubuhan tadika dan pusat jagaan kanak-kanak diperkemas dan untuk standard kelayakan seragam untuk semua pendidik awal kanak-kanak merentas penyedia kerajaan dan swasta.

Yeo menegaskan bahawa pembaharuan itu bertujuan untuk memastikan perkembangan holistik setiap kanak-kanak, supaya mereka boleh menjadi generasi berdaya saing yang mampu memacu negara ke hadapan.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	'COMPLAINTS PORTAL NOT ENOUGH TO SOLVE BULLYING'		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE SUN
TARIKH :	27 OGOS 2025	M/SURAT :	04
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

## 'Complaints portal not enough to solve bullying'

Lawmakers must go beyond digital fixes, establish single, nationwide anti-bullying policy covering all types of schools, says NGO

BY KIRTINEE RAMESH  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** A child-friendly complaints portal, an initiative by the Parliamentary Special Select Committee, will not be enough by itself to shield children from being bullied, said CRIB Foundation co-chairman Srividhya Ganapathy.

She urged lawmakers to move beyond digital fixes, and establish a single, nationwide anti-bullying policy covering all schools – government, residential, private, international and religious.

"Right now, different schools fall under different ministries and agencies. So, policies are inconsistent. But bullying cuts across all types of schools. It should be treated with the same seriousness as fire safety or crime prevention, with one common standard."

Srividhya said many children do not have personal devices while others face language or ability barriers.

"Phones are often confiscated by parents as punishment. That's the reality."

Through its youth initiative, the Talisman Project, the CRIB Foundation found bullying to be widespread, with many students reporting at least one experience of being targeted. Some said they retaliated and were then branded bullies themselves.

Srividhya said the most damaging type of bullying takes place online, where harmful



yearly safeguarding reports.

She said the portal must trigger real-world action and be embedded within schools' safeguarding systems.

"An app is a tool, not a solution. What matters is who receives the reports, how quickly they act and whether children feel safe coming forward."

Beyond technology, CRIB's blueprint recommends safeguarding and anti-bullying teams in every school and counsellors with manageable caseloads.

She said cases involving physical harm must be treated as crimes under the law, not dismissed as "child's play".

"At the same time, both victims and perpetrators, often children themselves, must have their identities protected under the Child Act, with restorative approaches used where possible."

Srividhya also cautioned against measuring success by portal usage alone.

"A good system separates reporting from prevalence. If reports rise but repeat harm declines and response times improve, children are safer, not worse off."

She urged schools to adopt clear benchmarks – acknowledgement within 24 hours, meeting within 48 hours, investigations within two school days and updates within five.

She said progress should also be tracked through anonymous student surveys and annual public reports.

She added that for the portal to be credible, cases must be logged securely in the *Sistem Sahsiah Diri Murid*, comply with the Personal Data Protection Act and include breach notifications within 72 hours.

Srividhya said offline reporting channels must also be provided, with forms available in Bahasa Malaysia, English, Mandarin and Tamil, using plain language, large text and simple icons as well as have screen-reader compatibility.

posts vanish quickly unless children know how to preserve evidence.

CRIB has made three key requests to Parliament:

- 1 A single national safeguarding and anti-bullying standard across all school systems;
- 2 Minimum, enforceable requirements such as trained safeguarding teams, qualified counsellors, clear reporting channels, secure records and firm response times; and
- 3 Funding and oversight, including a dedicated budget for counsellors and training, with schools required to publish

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm MALAYSIA MADANI

TAJUK :	MERDEKAKAN GENERASI MUDA DARIPADA BUDAYA BULI		
HARI :	RABU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	27 OGOS 2025	M/SURAT :	13
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Merdekakan generasi muda daripada budaya buli

**Fatin Nur Majdina Nordin**,  
Naib Presiden (Hal Ehwal Wanita), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

Isu buli di sekolah bukan sekadar kisah pingiran, tetapi masalah sosial yang menggugat keselamatan pelajar serta wibawa sistem pendidikan negara.

Perkembangan terbaharu kes buli di Sabah yang tular di media sosial

jelas menunjukkan bagaimana masyarakat lebih cenderung mempercayai naratif sensasi berbanding menilai fakta sebenar.

Situasi ini amat mendukacitakan kerana kecenderungan sebegini tidak sahaja menimbulkan salah faham, malah membuka ruang fitnah yang akhirnya merugikan mangsa, keluarga, institusi pendidikan dan masyarakat secara keseluruhannya.

Sebagai masyarakat bertanggungjawab, kita harus menilai sesuatu isu dengan objektif dan berlandaskan maklumat sahih.

Menyebarkan dakwaan tanpa usul periksa bukan sahaja menjejaskan reputasi individu, bahkan melemahkan kepercayaan umum terhadap institusi rasmi.

Dalam kes di Sabah ini, penyebaran konten serta naratif yang tidak berasas telah mengganggu proses siasatan.

Ini telah menimbulkan persepsi serta spekulasi yang tidak sihat, sekali gus menyalahi etika perbincangan awam dan menghakis budaya wacana berasaskan integriti.

“Masyarakat perlu menggembleng tenaga memerangi buli dan membina budaya dialog yang berhemah, berfakta serta berpaksikan tanggungjawab bersama”

Sewajarnya tema sambutan *Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni* amat relevan dalam usaha mengatasi gejala buli kerana ia menekankan nilai kasih sayang, hormat-menghormati, serta kepedulian terhadap kesejahteraan rakyat.

### Tolak budaya kekerasan

Dengan menjiwai semangat tema ini, setiap individu digalakkan menolak budaya kekerasan dan menggantikannya dengan sikap menyantuni orang lain tanpa mengira latar belakang.

Dalam konteks membanteras buli, nilai MADANI seperti ihsan dan hormat dapat diterapkan melalui pendidikan, kempen kesedaran dan teladan positif dalam masyarakat.

Apabila rakyat saling menyantuni, mewujudkan persekitaran yang empati dan penuh pengertian, budaya buli dapat diketepikan daripada menjadi sebahagian daripada norma hidup masyarakat. Situasi ini, sekali gus membina Malaysia yang lebih aman, harmoni dan bersatu padu.

Untuk itu masyarakat perlu menggembleng tenaga memerangi buli dan membina budaya dialog yang berhemah, berfakta serta berpaksikan tanggungjawab bersama.

Hanya dengan cara ini, isu buli dan cabaran pendidikan dapat ditangani secara adil, berkesan, dan berpandukan kepentingan generasi muda negara.

Spekulasi serta tuntutan yang rapuh berdasarkan naratif sensasi hanya merendahkan mutu wacana awam, menjejaskan kepercayaan masyarakat dan mengalihkan perhatian daripada isu pokok yang lebih mendesak, iaitu keselamatan pelajar, kesejahteraan sekolah dan keberkesanan sistem pendidikan negara.

Sebagai masyarakat yang prihatin, marilah kita kembali kepada asas: menuntut berasaskan fakta, mengutamakan penyelesaian dan memastikan sekolah menjadi ruang yang selamat serta mendidik untuk anak kita.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Kajian USM dedah isteri di Perak tanggung lebih banyak beban didik anak



SAIFULLAH AHMAD [Follow](#)

26 Ogos 2025 03:20pm



Aziah (kiri) menyerahkan buku hasil Kajian Pengaruh Kepimpinan Ibu Terhadap Motivasi Belajar Anak-anak di Perak: Penghargaan Kendiri Ibu Sebagai Mediator kepada Salbiah selepas membentangkannya di Kompleks Kementerian Dalam Negeri di Ipoh pada Selasa.

IPOH - Beban mendidik anak lebih banyak ditanggung oleh isteri susulan kurang sokongan suami adalah antara dapatan Kajian Pengaruh Kepimpinan Ibu Terhadap Motivasi Belajar Anak-anak di Perak: Penghargaan Kendiri Ibu Sebagai Mediator yang dikeluarkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM).

Kajian yang ketua Pengerusi Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM, Professor Madya Dr Aziah Ismail bersama empat penyelidik itu turut menemukan beberapa dapatan mengenai hubungan kepimpinan ibu dalam keluarga terhadap kejayaan pendidikan anak.

Antara cabaran lain yang dihadapi oleh golongan ibu dalam kepimpinan keluarga adalah kekangan masa antara keluarga dan kerja serta keyakinan diri yang rendah membantu anak dalam akademik.

"Sesetengah ibu merasakan bahawa beban mendidik anak-anak lebih banyak ditanggung oleh mereka, tanpa sokongan yang mencukupi daripada pasangan.

"Hal ini boleh menyebabkan tekanan emosi dan keletihan mental yang akhirnya menjejaskan keupayaan mereka untuk berperanan sebagai pemimpin dalam keluarga," jelas dapatan kajian berkenaan.

Dapatan kajian tersebut dibentangkan oleh Aziah di hadapan Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed dalam satu sesi yang diadakan di Dewan Auditorium Aras 5, Kompleks Kementerian Dalam Negeri di sini pada Selasa.

Hadir sama pada sesi berkenaan, Pengerusi Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Perak (Wanita Perak), Jamilah Zakaria.

Aziah berkata, kajian tersebut menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan soal selidik melibatkan 400 pasangan ibu dan anak sebagai responden.

Katanya, lokasi kajian dibuat di beberapa buah sekolah di Perak mengikut lokaliti iaitu bandar, luar bandar, pedalaman, sekolah Orang Asli dan kawasan Felda.

Sementara itu, Salbiah berkata, pihaknya menyambut baik dapatan kajian berkenaan yang akan membantu kerajaan negeri merangka pelbagai program untuk memperkasa peranan golongan ibu.

"Alhamdulillah, hari ini kita mendengar perkongsian dapatan kajian yang menilai kepimpinan wanita dalam konteks seorang ibu.

"Hasil data ini menunjukkan ada isu-isu penting yang perlu kita beri keutamaan terutama berkaitan sokongan sosial, kesihatan mental dan kefahaman ibu tentang tanggungjawab mendidik anak-anak," katanya.

Jelas beliau, kajian tersebut merupakan yang pertama seumpamanya di Perak malah difahamkan hampir tiada kajian dilaksanakan berkaitan kepimpinan ibu pernah dibuat sebelum ini.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Anggota bomba berjaya menyelamatkan seorang kanak-kanak terjatuh dari tingkat 7 sebuah pangsapuri di sini, hari ini. Foto ihsan JBPM Selangor

## Kanak-kanak terselamat selepas jatuh dari tingkat 7

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD 26 Ogos 2025, 2:58 pm

GOMBAK – Seorang kanak-kanak lelaki berdepan detik cemas apabila terjatuh dari koridor tingkat tujuh sebuah pangsapuri sebelum tersangkut di koridor luar tingkat enam, di sini hari ini.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Ahmad Mukhlis Mukhtar berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian melibatkan kanak-kanak berusia 10 tahun itu pada pukul 12.16 tengah hari.

Katanya, seramai lima anggota bersama sebuah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Selayang bergegas ke lokasi dan tiba lima minit kemudian.

“Mangsa mengalami kecederaan dibahagian kaki dan berjaya diselamatkan oleh anggota bomba.

“Mangsa diserahkan kepada pasukan Kementerian Kesihatan untuk tindakan lanjut,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, operasi dikawal sepenuhnya sebaik mangsa dibawa turun dengan selamat. – KOSMO! ONLINE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MECHANIC GETS 20 YEARS' JAIL, 10 STROKES OF ROTAN FOR RAPING STEPDAUGHTER

HARI : RABU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 27 OGOS 2025

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## 12-YEAR-OLD VICTIM

### Mechanic gets 20 years' jail, 10 strokes of rotan for raping stepdaughter

**MUAR:** A mechanic was sentenced to 20 years in prison and 10 strokes of the rotan by the Sessions Court after he was found guilty of raping his 12-year-old stepdaughter three years ago.

The accused, 48, committed the offence while his wife was taking another child to school in Kluang.

Judge Sayani Mohd Nor delivered the sentence after the court found that the defence had failed to raise a reasonable doubt in the case against the man, who was

charged under Section 376(3) of the Penal Code for rape.

Section 376(3) carries a sentence of up to 30 years in prison and no fewer than 10 strokes of the cane upon conviction.

In his ruling, Sayani said the court had reviewed and considered the evidence presented and the written arguments from both parties.

"After reviewing and considering all the evidence and exhibits submitted throughout the trial, the court finds that the prose-

cution has successfully proven the case beyond a reasonable doubt to convict the accused of rape.

"Therefore, the court sentences the accused to 20 years in prison and 10 strokes of the cane, with the sentence effective from today's date of conviction."

During the trial, the prosecution, led by deputy public prosecutor Othman Affan Ismail, presented five witnesses, including the victim and her mother.

According to the charge, the ac-

cused raped his stepdaughter at a house in Simpang Renggam, Kluang, at 7am on Aug 8, 2022.

Based on the case facts, the victim was alone at home on the day of the incident while her mother was taking her younger sibling to school.

The accused entered the victim's room while wearing shorts before leaving and returning only in a towel.

The victim was also shown a pornographic video before the accused committed the act.

The crime was exposed after the victim told her mother, and they lodged a report at the Simpang Renggam police station a week later.

Following the verdict, the accused's lawyer, Datuk Mandave Singh Gill, asked the court for a stay of execution to allow his client to appeal to the High Court.

The court granted the application but raised the bail from the previous RM6,000 to RM11,000.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Mekanik rogol anak tiri dijel 20 tahun, 10 sebatan

26 Ogos 2025, 2:10pm



**MUAR:** Seorang mekanik yang dituduh merogol anak tirinya ketika isteri keluar menghantar seorang lagi anak ke sekolah di Kluang, tiga tahun lalu, dipenjara 20 tahun dan 10 sebatan selepas didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen, hari ini.

Hakim Sayani Mohd Nor menjatuhkan hukuman itu selepas mahkamah mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes dihadapi tertuduh berusia 48 tahun yang dituduh mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan.

Sayani ketika membaca keputusan di akhir pembelaan berkata, mahkamah selepas meneliti dan mempertimbangkan keterangan disampaikan serta hujahan bertulis kedua-dua pihak mendapati tertuduh bersalah dalam kes rogol.

"Setelah meneliti dan menimbang keseluruhan keterangan selain eksibit dikemukakan sepanjang perbicaraan ini, mahkamah mendapati bahawa, pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah untuk mensabitkan tertuduh dengan kesalahan merogol.

"Oleh itu mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 20 tahun dan 10 sebatan ke atas tertuduh dengan hukuman ini berkuat kuasa dari tarikh sabitan (hari ini)," katanya.

Sepanjang perbicaraan berlangsung, pihak pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya, Othman Affan Ismail mengemukakan lima saksi untuk memberi keterangan termasuk mangsa dan ibunya.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol anak tirinya berusia 12 tahun (ketika kejadian) di sebuah rumah di Simpang Renggam, Kluang, 7 pagi, 8 Ogos 2022.

Seksyen 376 (3) memperuntukkan hukuman penjara hingga 30 tahun dan sebatan tidak kurang 10 kali jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian mangsa bersendirian di rumah manakala ibunya keluar menghantar adiknya ke sekolah.

Tertuduh memasuki bilik mangsa sambil memakai seluar pendek sebelum keluar namun lelaki itu kembali hanya bertuala.

Mangsa juga ditunjukkan video lucah sebelum tertuduh melakukan perbuatan itu terhadapnya.

Perbuatan itu terbongkar apabila mangsa menceritakan kepada ibunya sebelum mereka membuat laporan di Balai Polis Simpang Renggam seminggu selepas kejadian itu.

Dengan keputusan itu, peguam tertuduh, Datuk Mandave Singh Gill memberitahu mahkamah agar hukuman itu ditangguhkan bagi membolehkan pihaknya mengemukakan rayuan di Mahkamah Tinggi.

Mahkamah membenarkan permohonan pihak pembelaan namun menaikkan wang ikat jamin daripada RM6,000 yang dikenakan sebelum ini kepada RM11,000.

Pada 12 Disember tahun lalu, mahkamah sama memerintahkan tertuduh membela diri selepas mendapati terdapat prima facie dalam kes dihadapi tertuduh sebaik selesai di peringkat pendakwaan.